

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/1991**

Oktober/November 1990

BET 453/4: ENTOMOLOGI PERTANIAN & HUTAN

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BET 453/4)

1. Spesies-spesies *Spodoptera litura*, *Setora nitens* dan *Apogonia* spp. merupakan perosak polifagus yang menyerang beberapa jenis tanaman. Bincangkan kerosakan dan cara kawalan pada tiap-tiap jenis tanaman yang anda namakan.

(20 markah)

2. Bincangkan 5 perosak utama (dari sekurang-kurangnya 3 order) dalam industri perhutanan. Apakah kesannya terhadap tumbuhan dan hasil hutan.

(20 markah)

3. Bincangkan kitar hidup, kerosakan pada perumah tertentu dan cara kawalan spesies-spesies perosak berikut:
 - (a) *Plutella xylostella*
 - (b) *Epilachna indica*
 - (c) *Thiratoba mundella*

(20 markah)

4. Menanam koko di ladang-ladang kelapa merupakan satu amalan yang telah menguntungkan ramai petani. Apakah serangga-serangga perosak yang menyerang koko. Pada pendapat anda adakah serangga-serangga ini boleh berubahsuai seterusnya menjadi perosak kelapa pula.

(20 markah)

(BET 453/4)

5. Belimbing besi, jambu batu dan mangga merupakan buah-buahan yang menjadi semakin popular di Malaysia. Bincangkan empat perosak utama yang menyerang buah-buahan ini (sekurang-kurangnya satu perosak untuk satu jenis buah).

(20 markah)

6. Bincangkan pengorek-pengorek batang yang merosakkan padi, tebu dan kelapa.

(20 markah)

-0000ooo-